

PAS: 10 ranting dibubbar

KUANTAN, Selasa — Lebih 10 ranting PAS di Pahang dijangka akan dibubarkan berikutan perletakan jawatan Datuk Haji Mohamed Asri Haji Muda sebagai Presiden parti itu.

Ranting-ranting tersebut meliputi Kuantan, Pekan dan Maran.

Beberapa buah ranting PAS di Kuantan dan Pekan telah pun menurunkan papan-

papan tanda dan bendera bulan bintang simbol PAS di luar bangunan masing-masing.

"Tindakan ini untuk menunjukkan perasaan tidak puas hati kami terhadap sikap pemimpin-pemimpin lain yang membenarkan Datuk Asri meletakkan jawatan," kata seorang jurucakap ranting PAS di sini.

Ahli-ahli berkenaan yang terdiri daripada golongan muda, dikatakan

menyesali sikap setengah-setengah pemimpin PAS yang tidak langsung memujuk Datuk Asri supaya jangan berhenti.

"Sikap seperti ini membuatkan kami hilang keyakinan terhadap pemimpin-pemimpin baru itu," kata beberapa ahli lain dari cawangan-cawangan di sini.

Ahli-ahli ranting yang masih mahukan pimpinan Datuk Asri telah pun menghantar surat kepada Timbalan Pesuruhjaya PAS Pahang, Encik Mohamed Rusdi Ariff, memintanya mengadakan mesyuarat tergepar bagi 'menentukan pendirian PAS Pahang' terhadap isu itu.

Jurucakap ranting-ranting itu memberitahu *Berita Hartan* di sini hari ini, "Kami mahu satu keputusan dibuat di peringkat negeri Pahang sama ada menyokong perletakan jawatan Datuk Asri atau tidak."

D i f a h a m k a n , sekiranya PAS Pahang turut menyokong perletakan jawatan Presiden mereka itu, ramai ahli PAS akan keluar dari parti itu dan banyak ranting akan dibubarkan.

Mereka memberi tempoh seminggu kepada Encik Rusdi untuk menjawab surat itu dan mengadakan satu perjumpaan dengan ahli-ahli ranting berkenaan.

Mereka juga berikrar masih menyokong Datuk Asri dan tiga orang pemimpin lain yang turut meletakkan jawatan, Setiausaha Agung PAS, Datuk Haji Abu Bakar Omar, Bendahari Agung, Encik Hassan Haji Mohamad, dan Ketua Dewan Muslimat, Datin Sakinah Haji Junid.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia